

TERKINI UTAMA & SENSASI

WASPADA DENGAN SCAMMERS

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA

- LHDNM **TIDAK** MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM **TIDAK** AKAN MENYAMBUNGGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
- LHDNM **TIDAK** MEMBERI **NO. AKAJN** UNTUK BAYARAN ATAU MEMINTA **NO. AKAJN** UNTUK BAYARAN BALIK



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menggariskan tiga perkara yang perlu diketahui bagi mengelak daripada mangsa penipuan@scammer.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Pertama, LHDNM tidak membuat panggilan melalui telefon bimbit kepada mana-mana rakyat Malaysia khususnya pembayar cukai bagi sebarang urusan percukaian.

Kedua, LHDNM tidak menyambungkan panggilan ke agensi kerajaan yang lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan lain-lain.

Ketiga, LHDNM tidak memberi nombor akaun untuk bayaran atau meminta nombor akaun untuk bayaran balik.

Kesimpulannya, prosedur Operasi Standard (SOP) LHDNM tidak pernah melibatkan tiga perkara yang berkenaan dalam keadaan apa sekali pun.

Tiga peringatan ini sebenarnya sangat berkait rapat dengan modus operandi scammer yang akan menghubungi 'prospek' penipuan mereka dengan menggunakan talian telefon bimbit.

Rumusannya, jika anda menerima panggilan telefon menggunakan talian telefon bimbit memaklumkan "Ini adalah panggilan telefon daripada LHDNM" tamatkan saja talian.

Rumusannya, jika anda 'terlayan' panggilan seperti itu dan diminta tunggu sebentar untuk disambungkan kepada agensi lain, maka tamatkan serta merta talian berkenaan.

Rumusannya, jika anda masih 'melayan' panggilan mereka dan diminta memberi nombor akaun bank anda, maka segera putus talian supaya tidak membuang masa anda.

Bagaimanapun bagi penulis jika anda sedang tersangat bosan dan tiba-tiba menerima panggilan seperti itu mungkin boleh menghiburkan hati dengan 'scam' mereka pula.

Mungkin anda boleh memberi mereka nombor akaun palsu dan kemudian mentertawakan mereka sekuat haiti apabila mereka menyedari anda telah menipu mereka.

Mungkin juga anda boleh menyampaikan sedikit nasihat dan tazkirah kepada mereka betapa besar dosa menipu dan mencuri wang orang lain di sisi agama.

Mungkin juga anda boleh mengajak mereka borak isu-isu semasa, percintaan, drama atau filem atau apa sahaja yang anda rasakan berbaloi untuk memperbodohkan scammer.

-Mynewshub